



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2023

#### 1. Apakah itu *Professional Development Programme (Pro-P)*?

*Professional Development Programme (Pro-P)* adalah program penajaan pelajaran berbentuk **Pinjaman Boleh Ubah** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) ke peringkat Profesional/Pakar di Institusi Pengajian Tinggi terkemuka dalam dan luar negara bagi graduan cemerlang dalam bidang yang memberi impak yang besar kepada keperluan guna tenaga negara.

#### 2. Apakah yang dimaksudkan dengan Pinjaman Boleh Ubah?

Pinjaman Boleh Ubah (PBU) bermaksud keseluruhan pinjaman pelajaran yang diterima boleh dipertimbangkan untuk pengurangan bayaran balik berdasarkan prestasi akademik pelajar setelah tamat pengajian, tertakluk kepada dasar yang ditetapkan.

#### 3. Adakah Program Pro-P 2023 yang ditawarkan oleh MARA ini merupakan Biasiswa atau Pinjaman Boleh Ubah?

Program Pro-P merupakan pinjaman boleh ubah. Pelajar perlu membuat permohonan pengurangan bayaran balik setelah tamat pengajian nanti. Selain itu, pinjaman ini tidak dikenakan sebarang kadar faedah.

#### 4. Apakah kursus dan syarat kelayakan untuk melayakkan saya memohon Program Pro-P?

Kursus dan syarat kelayakan bagi Program Pro-P boleh rujuk garis panduan permohonan semasa permohonan dibuka.

#### 5. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program Pro-P?

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui Portal MARA <https://educationloan.mara.gov.my> apabila permohonan dibuka. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebagai **pengguna baharu** sebelum mengisi permohonan. Pemohon juga dinasihatkan membaca dan memahami garis panduan yang disediakan sebelum membuat permohonan.

#### 6. Bilakah permohonan akan dibuka?

Permohonan akan dibuka **bermula 23 Jun (Jumaat) sehingga 06 Julai 2023 (Khamis) jam 11.59 malam.**



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2023

- 7. Bolehkah saya memohon Program Pro-P sekiranya Ibu/ Bapa/ Penjaga/ Penjamin/ Pasangan saya telah disenarai hitam MARA?**

Tidak boleh. Ibu, bapa, penjaga, penjamin, pasangan dan pemohon perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan segera menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon Program Pro-P.

**Sila hubungi Bahagian Kawalan Kredit MARA :-**

TALIAN UTAMA MARA / MARA CALLCENTRE : 03-2613 2000

TALIAN CARELINE BAHAGIAN KAWALAN KREDIT (BKK) : 03- 2613 2399 / 2288 / 2286 / 2133 / 2132 / 2131 / 2178 / 2143 / 2147

- 8. Sekiranya permohonan telah ditutup, adakah saya boleh memohon secara manual menggunakan surat permohonan?**

Permohonan secara manual **TIDAK DIBENARKAN**.

- 9. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?**

Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan dan lengkap sahaja akan dipertimbangkan untuk tawaran Program Pro-P.

- 10. Adakah saya perlu menduduki ujian psikometrik atau proses temuduga selepas memohon?**

Sebarang maklumat berkaitan ujian psikometrik atau proses temuduga akan dimaklumkan kepada pemohon dari semasa ke semasa melalui emel.

- 11. Apakah bentuk tajaan yang saya akan terima sekiranya ditawarkan dalam Program Pro-P?**

Tajaan pinjaman pelajaran bagi pengajian dalam negara dan luar negara merangkumi Yuran Pengajian dan elaun-elaun lain yang berkaitan.

- 12. Adakah saya perlu menghantar borang atau apa-apa dokumen selepas membuat permohonan?**

Pemohon perlu menghantar borang atau apa-apa dokumen berkaitan dalam tempoh 14 hari bekerja setelah menerima Surat Tawaran Pinjaman Pelajaran daripada MARA.

- 13. Adakah permohonan pengajian ini terbuka secara separuh masa?**

Permohonan ini terbuka kepada pengajian secara **sepenuh masa** bagi peringkat dalam dan luar negara manakala bagi pemohon yang sedang bekerja boleh dipertimbangkan untuk pengajian **separuh masa** dalam negara dan hanya akan dipertimbangkan pinjaman untuk yuran pengajian sahaja.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2023

- 14. Sekiranya saya pernah memohon pinjaman pelajaran MARA yang lain seperti WTU, TESP atau GrEP dan "Berstatus Hantar", apakah tindakan yang perlu saya lakukan sekiranya saya berminat untuk memohon Program Pro-P?**

Pemohon perlu menghantar emel ke alamat; [prop@mara.gov.my](mailto:prop@mara.gov.my) dengan menyatakan nama dan nombor kad pengenalan bagi membolehkan MARA membatalkan permohonan terdahulu sebelum pemohon membuat permohonan Pro-P.

- 15. Saya pernah mengemukakan permohonan sebelum ini, iaitu pada tahun 2022 namun tidak menghantar permohonan sebelum tarikh tutup yang ditetapkan. Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya saya berminat untuk memohon Program Pro-P pada tahun 2023?**

Pemohon perlu menghapuskan sendiri permohonan Pro-P tahun 2022 di sistem MyEduloan sebelum pemohon membuat permohonan Pro-P tahun 2023.

- 16. Bagaimanakah dokumen sokongan perlu dimuat naik (upload) ke dalam sistem semasa saya mengisi permohonan Pro-P?**

Semua dokumen sokongan perlu dimuat naik satu persatu dan disimpan (*save*) dalam format *pdf* sahaja. Format seperti .jpg, .word dan selainnya tidak dibenarkan dimuat naik.

- 17. Berapakah saiz kapasiti maksimum setiap dokumen sokongan yang boleh dimuat naik (upload) ke dalam sistem permohonan Program Pro-P?**

Saiz kapasiti setiap dokumen sokongan yang boleh dimuat naik ke dalam sistem adalah **tidak melebihi 10MB**.

- 18. Adakah semua dokumen sokongan yang dimuat naik perlu disahkan benar?**

Semua dokumen sokongan tidak perlu disahkan benar **KECUALI** surat pengesahan pendapatan bagi yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan.

- 19. Sekiranya telah memuat naik dokumen ke sistem beberapa kali tetapi masih tidak berjaya, apakah yang perlu dilakukan?**

Pemohon dicadangkan supaya ke *history browser* untuk padam/delete *history/cookies* bagi mendapatkan paparan yang lebih pantas dan terkini. Sekiranya masih tidak boleh memuat naik dokumen, sila tukar browser lain yang biasa digunakan (contoh *browser* : firefox, mozilla, edge, internet explorer)



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P) 2023

- 20. Adakah permohonan saya dianggap berjaya sekiranya status di dalam sistem Pengesahan Lengkap?**

Setiap permohonan yang berstatus Pengesahan Lengkap telah melepassi semakan dokumen dan dalam peringkat kelulusan peruntukan sebelum surat tawaran dapat dikeluarkan.

- 21. Bagaimakah saya boleh membuat semakan keputusan permohonan Program Pro-P?**

Pemohon perlu sentiasa menyemak status permohonan yang telah dihantar dalam sistem Myeduloan dari semasa ke semasa di pautan <https://educationloan.mara.gov.my>. Pemohon yang berjaya dan menerima surat tawaran perlu mencetak dan menghantar dokumen yang berkaitan kepada MARA. Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap **tidak berjaya** dan **keputusan adalah muktamad**.

- 22. Bagaimakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**

Sebarang pertanyaan mengenai program dan masalah teknikal boleh dibuat dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang melalui emel ke alamat seperti berikut:

Emel : prop@mara.gov.my

: ictbpp@mara.gov.my (bagi masalah teknikal semasa permohonan)

**TAMAT**